

MEMBINA GENERASI KELAS DUNIA MADRASAH IDRISIAH

Zulkifli Hasan (Ph.D)

ALU-ALUAN

1. Yang Dihormati Pengurus Majlis, Yang Berusaha Mudir Madrasah Idrisiah, Yang Dikasihi guru-guru, barisan pengurusan dan pentadbir Madrasah Idrisiah, Yang Diraikan Penerima Anugerah Kecemerlangan, para ibubapa dan seterusnya para pelajar sekalian. Salam *Ramadhan* dihulurkan kepada semua. Semoga kehadiran kita ini dikira sebagai amal ibadah dan Semoga Allah SWT melimpahkan *rahmah* dan *barakah* kepada setiap yang hadir pada hari ini.
2. 17 Jun 2016 merupakan tarikh yang begitu besar maknanya kepada saya. Telah genap 100 hari pemergian ayahanda, iaitu insan yang bertanggungjawab menghantar saya ke Madrasah Idrisiah dan akhirnya saya berdiri di sini pada hari ini mendapat penghormatan untuk merasmikan majlis yang gilang gemilang ini. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak sekolah dan Mudir yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan perasmian Ihtifal pada tahun ini. Ia merupakan sesuatu yang begitu bermakna dan besar penghargaannya kepada diri saya sebagai salah seorang daripada alumni dan warga Madrasah Idrisiah 1990-1994.
3. Hari ini juga mengingatkan saya kepada semua guru-guru yang telah menabur jasa dan bakti. Di kesempatan ini, marilah kita sama-sama memperingati semua guru-guru kita sama ada yang telah meninggalkan kita mahupun yang masih ada bersama pada hari ini yang telah berjasa kepada kita dan sama sekali tidak akan dapat dinilai jasa mereka. Mari kita bersama-sama menghadiahkan *al-Fatihah* mendoakan agar kesemua guru-guru kita agar tenang, aman diredhai Allah selamanya. *Al-fatihah*.

Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

4. Saya masih ingat pada 1990 saya menjalani Orientasi 40 hari ia menjadi pencetus kepada bermulanya kehidupan saya sebagai penuntut ilmu yang serius. Dari seorang budak kampung yang tiada halatuju dan fikrah yang jelas kepada seorang penuntut ilmu yang idealistik dengan ‘worldview’ dan pandangan alam yang baru. Begitu kukuh diingatan, pada 1994, saya bersama-sama dengan barisan kabinet saya di sini mengangkat sumpah dan saya sebagai Presiden Majlis Pelajar Madrasah Idrisiah setelah memenangi pilihanraya dengan kemenangan besar tidak mewakili mana-mana parti PAS, Amanah mahupun UMNO. Baitul Aman yang berhantu dan misteri, kini sudah tinggal kenangan. Makmal sains bergerak dengan serba kekurangan kelengkapan dan kemudahan tidak menghalang generasi pada waktu itu untuk masih mampu mencipta kejayaan. Begitu banyak memori manis di Madrasah Idrisiah yang bertuah ini yang akan saya ingati selamanya.
5. Sejarah menyaksikan Madrasah Idrisiah dari 1922 sehingga hari ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh dan intelektual dalam masyarakat yang memberikan sumbangan besar kepada umat. Syeikh Abdullah Fahim dan Ustaz Abu Bakar al Baqir antara nama yang sangat terkenal dengan usaha sebagai pencetus semangat untuk mendapatkan kemerdekaan. Begitu ramai ilmuwan dan agamawan yang dilahirkan seperti Mufti-mufti Perak sebelum ini dan Tan Sri Harussani Zakaria, Dato' Haji Mohd Nakhaie, Tan Sri Dr.

Abdul Hamid Othman, Ustaz Musa Zainuddin dan ramai lagi. Merenung fakta ini, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan legasi ini bagi memastikan Madrasah Idrisiah terus relevan berbakti kepada umat.

Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

5. Dalam dunia yang serba mencabar hari ini, izinkan saya untuk menukilkan beberapa cabaran dan realiti yang sedang dan bakal dihadapi oleh kita dan generasi akan datang. Mahu tidak mahu, kita perlu akur dan sedar dengan cabaran ini terutamanya bagi mempersiapkan generasi muda yang pada hari ini dibelenggu dan dihantui dengan pelbagai permasalahan sosial dan ekonomi. Di Malaysia sahaja, dijangkakan jumlah belia pada 2020 akan mencecah 14, 034, 400 mewakili sebahagian besar warganegara yang bakal mencorakkan masa depan negara. Abad ke-21 merupakan era yang sangat mencabar seiring dengan perkembangan dunia sains dan teknologi, geo-politik dunia, sosio-ekonomi dan pemikiran.

6. Ketidak Samarataan adalah realiti dan sesuatu yang perlu dihadapi oleh pelajar-pelajar semua. Jurang kemiskinan dan kekayaan jelas berada di mana-mana di dunia ini. Pada hari ini kita dapat lihat bagaimana 1% individu di dunia ini yang memiliki lebih 48% kekayaan dengan hanya meninggalkan 52% untuk dikongsikan oleh lebih 99% penduduk dunia. Fenomena ini juga berlaku di Malaysia. Jurang ketidaksamarataan adalah sangat tinggi dan ia semakin hari semakin membimbangkan. Aset dan kekayaan di bandar dikuasai oleh orang Cina dengan melebihi 75% manakala bumiputera hanya memiliki kurang daripada 5%. Pengangguran juga semakin hari semakin meningkat iaitu seramai 455,000 dicatatkan pada Februari 2015 dan ia didominasi oleh orang Islam.

7. Dunia pada hari ini adalah dunia persaingan. Persaingan ini berlaku dalam setiap aspek kehidupan dan ia semakin hari semakin mencabar. Persaingan yang perlu dihadapi ini merangkumi persaingan ekonomi, persaingan pemikiran, persaingan politik, persaingan agama, persaingan teknologi dan segala macam persaingan yang lain. Pelajar-pelajar perlu sentiasa bersedia dan memastikan diri bersedia untuk menghadapi dan mendepani cabaran dunia persaingan yang semakin hari semakin mencabar dan merumitkan.

Di Malaysia, persaingan untuk mendapat peluang pendidikan tinggi juga adalah sangat sengit. Dengan 20 universiti awam, 25 institut pengajian tinggi swasta dan 22 kolej cawangan Universiti, 5 cawangan universiti luar negara, 32 Politeknik, 28 Institut Pendidikan Guru,, 91 Kolej Komuniti, 14 institut kemahiran tidak mampu untuk memberikan peluang kepada setiap warga yang layak dan berpotensi. Kemasukan ke universiti awam misalnya hanya cukup untuk menampung lebih kurang 8.3% iaitye kira-kira 43 ribu daripada lebih 500 ribu calon Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia.

8. Ciri abad ke-21 berbanding dengan kurun sebelumnya adalah keajaiban dunia teknologi. Generasi baru pada hari ini disajikan dengan kecanggihan dunia teknologi. Ia merupakan cabaran besar kepada kita untuk menyediakan generasi muda pada hari ini untuk dunia masa depan. Dunia sudah menyaksikan bagaimana teknologi komunikasi telah merubah sama sekali metod perhubungan manusia. Kepantasan dunia telekomunikasi menerusi media sosial telah menjadikan dunia kini tiada sempadan dan hubungan sosial sesama manusia juga bakal berubah dengan ia akan bersifat lebih global dan merentasi bangsa, warna kulit dan warganegara.

9. Dunia hari ini juga penuh dengan prejedis kepada Islam. Islamofobia dan persepsi negatif terhadap Islam berlaku di mana-mana di dunia. Pengalaman bekerja di Timur Tengah, merantau ke Eropah dan seluruh dunia dan sebagai Profesor Pelawat di Amerika Syarikat membentarkan realiti ini. Muhyi tidak muhyi, kita terpaksa mengakui bahawa orang bukan Islam di seluruh dunia majoritinya melihat ketidakupayaan Islam untuk mendepani cabaran dan realiti semasa. Bukan itu sahaja, kini pelajar-pelajar semuanya perlu bersedia untuk mendepani cabaran dari aspek pemikiran seperti pemikiran liberal, sosialis, neo-sosialis, kapitalis, *libertarian*, *atheist* dan banyak lagi isme-isme yang boleh mengancam kefahaman sebagai seorang Muslim yang berpegang kepada nas yang sahih.

Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

9. Cabaran yang begitu besar ini memerlukan kita khususnya pelajar-pelajar untuk tidak lagi berlengah untuk melakukan *Islah al Nafs* atau reformasi diri kerana semuanya bermula dengan pembinaan diri. *Islah* juga menuntut kepada pembinaan *Shahsiyah Islamiyah*. Pembinaan *syahsiyah Islamiyah* ini perlu merangkumi setiap aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual menerusi 10 ciri Muslim berjaya iaitu Akidah yang sejahtera (*Salimul Aqidah*), Ibadah yang saih (*Sabihul Ibadah*), Akhlak yang sempurna (*Matinul Khuluq*), Tersusun urusannya (*Munazzamun Fi Syuunihi*), Sihat tubuh badanya (*Qawiyul Jism*), Berdisiplin dengan masa (*Harithun ala waqtih*), Pandai berdikari (*Qadiran ala Kashfi*), Bersungguh sungguh melawan hawa nafsu (*Mujahadah ala nafsi*), Bermanfaat untuk orang lain (*Nafiun li ghairih*) dan Berilmu pengetahuan (*Muthaqqafal Fikri*).

11. Bagi mendepani cabaran globalisasi dan persaingan yang begitu hebat, pelajar-pelajar sudah tidak boleh lagi berfikir dalam konteks ‘*ordinary people*’ tetapi perlu menjadi ‘*extra ordinary*’ yang berfikir ‘*outside the box*’. Pengalaman berinteraksi dengan pelajar di universiti tersohor dunia semasa di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain negara di Universiti Harvard, universiti Oxford, Universiti Durham, Universiti Cambridge, Columbia University dan semua Ivy league Universiti di Amerika menunjukkan pelajar-pelajar pada hari ini memerlukan sesuatu kekuatan dalam diri bagi memastikan terus relevan dan dapat bersaing dengan semua bangsa di dunia. Dengan itu, para pelajar perlu mempersiapkan diri dengan 4 komponen penting pembinaan diri iaitu punya Idealisme, Intelektualisme, Aktivisme dan Spiritualisme. Empat aspek penting ini merupakan antara ciri keseimbangan individu yang cemerlang jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya yang mampu untuk memberikan sumbangan besar dan signifikan kepada pembangunan umat, masyarakat dan negara.

12. Dengan cabaran yang begitu besar dan sumber yang terhad, kita perlu memastikan bahawa adalah menjadi satu tuntutan untuk para pelajar semua mengenali diri sendiri dan menggunakan kekuatan serta kelebihan yang ada bersesuaian dengan kemahiran dan bakat yang ada. Akuilah, kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi. Kemahiran insaniah, komunikasi dan ketrampilan diri perlu diasah bagi memastikan kita mampu mencapai keseluruhan potensi diri kita secara maksimum. Dan paling utama ialah penguasaan bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang sememangnya menjadi pra-syarat bagi menentukan sejauh mana seseorang pelajar itu dapat menempatkan dirinya sama ada di arena tempatan ataupun meneroka persada dunia. Satu hari nanti pastinya Madrasah Idrisiah akan melahirkan tokoh intelektual bertaraf dunia.

Para pelajar yang dikasih sekalian,

13. Hari ini saya ingin mengajak semua untuk mengimarahkan dan membudayakan ilmu dalam kehidupan seharian. Pembudayaan ilmu ini bermula dengan menanamkan cinta dan ghairah kita untuk membaca. Untuk menjadi seseorang yang hebat, kita perlu membaca apa yang dibaca oleh tokoh-tokoh hebat dunia kerana ‘you are what you read’. Oleh itu, marilah kita jana minat untuk terus membaca dan jadikan ia bukan hanya hobi tetapi sebatи dalam diri dan kehidupan.

Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

14. Dunia hari ini penuh dengan cabaran yang serba hebat. Dalam era abad ke-21 ini, dengan cabaran dalaman dan luaran, menuntut untuk kita membuat perancangan mempersiapkan diri untuk menghadapinya dengan berhikmah. Ketidaksamarataan ekonomi, dunia persaingan, kecanggihan dunia teknologi, Islamofobia dan Persepsi negatif kepada Islam termasuk ancaman musuh Islam adalah realiti yang perlu diterima. Sekiranya kita tidak bersedia, masih alpa dan tidur lena dan tiada perancangan serta usaha-usaha untuk mendepani cabaran dan realiti ini, dikhuatiri kita akan terus ketinggalan. Saya yakin, Madrasah Idrisiah akan terus cemerlang melahirkan tokoh-tokoh ilmuan dan intelektual serta aktivis yang sentiasa menyumbang kepada umat dan masyarakat.

15. Akhir kata, di kesempatan ini, Saya ingin menzahirkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada pihak Madrasah Idrisiah yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan perasmian ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru dan pentadbir sekolah yang begitu komited dan cemerlang mendidik dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua pemenang anugerah di atas pencapaian yang begitu membanggakan. Syabas diucapkan kepada semua yang menjayakan *Ihtifal* pada hari ini termasuk yang menghadirkan diri sama ada yang jauh dan dekat.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Ihtifal Madrasah Idrisiah, 1437H bersamaan 17 Jun 2016M.

Wabillahittausfiqwalhidayah assalamualaikum warabmatullahibarakatuh.

12 Ramadhan 1437H/ 17 Jun 2016M.